

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 10/3/2008

# Pemimpin UMNO terus sokong Abdullah teraju negara

um - 10/3/2008

**KUALA LUMPUR** 9 Mac - Timbalan Presiden UMNO merangkap Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata beliau akan terus berada di belakang presiden parti yang juga Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dalam menghadapi cabaran selepas pilihan raya umum semalam.

"Sebagai Timbalan Presiden, saya akan bantu Presiden untuk hadapi cabaran besar ini," kata Najib dalam satu kenyataan hari ini.

Beliau berkata walaupun Barisan Nasional (BN) agak kecewa dengan kegagalan untuk kembali berkuasa di lima negeri serta kekurangan dua pertiga majoriti, namun, keputusan rakyat diterima dengan hati terbuka.

"Kita minta ahli UMNO rapatkan barisan dalam menghadapi cabaran ini," katanya.

Najib berkata, rakyat Malaysia telah menyatakan suara serta pilihan mereka dan beliau bersyukur kerana BN terus diberi kepercayaan untuk memerintah negara.

Mengenai pilihan raya umum ini, Najib berkata ia berjalan dengan selamat dan telus selaras dengan amalan demokrasi di negara ini.

Naib Presiden UMNO, **Tan Sri Muhyiddin Yassin** yakin anggota UMNO akan terus memberi sokongan padu kepada kepimpinan.

Beliau berkata soal mendapat majoriti dua pertiga adalah perkara pokok sahaja kerana pada prinsipnya pemimpin parti yang menang akan mengetuai kerajaan dan ia adalah Abdullah.

Kabinet yang bakal dibentuk mesti kukuh dan mengambil kira semua kaum agar dapat meneruskan pembangunan sosial ekonomi, katanya.

Muhyiddin turut menasihatkan anggota UMNO supaya bertenang dalam menghadapi keputusan pilihan raya ini yang boleh dikatakan sebagai "satu tamparan yang hebat".

"Yang penting jangan ada perbalahan dan Umno mesti kukuh. Walau apa keadaan kita harus bersatu," katanya.

Di MELAKA, seorang lagi Naib Presiden UMNO, **Datuk Seri Mohd. Ali Rustam** berkata, khidmat Abdullah masih diperlukan bagi memperkuat semula barisan untuk membolehkan BN meraih majoriti membearangsangkan pada pilihan raya umum akan

datang.

Beliau berkata, kekalahan tersebut juga adalah sebahagian proses demokrasi dan sepatutnya menjadi pengajaran kepada semua pihak untuk memperbaiki kelemahan yang wujud.

"Pak Lah tidak sendirian. Sekiranya ada tekanan oleh pihak tertentu, kita akan sentiasa bersama Perdana Menteri pada saat susah atau senang," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* hari ini.

Di PUTRAJAYA, semua pemimpin UMNO termasuk pergerakan Wanita dan Pemuda menyatakan sokongan padu kepada Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi untuk menerajui parti dan negara.

Para pemimpin yang berhimpun di kediaman rasmi Perdana Menteri di Seri Perdana di sini hari ini berkata mereka akan berdiri teguh di belakang kepimpinan Perdana Menteri.

Sokongan sebulat suara para pemimpin itu sekali gus menolak tanggapan kononnya Abdullah menerima desakan pihak-pihak tertentu agar meletakkan jawatan. Ketua Pergerakan Wanita UMNO **Datuk Seri Rafidah Aziz** juga melahirkan sokongan kepada Abdullah.

"Kami wanita UMNO akan terus memberi sokongan yang tidak berbelah bagi kepada PM sebagai Presiden UMNO," katanya.


"Ini adalah masa untuk kita merapatkan barisan dan menentukan haluan kita di masa depan," katanya.

Ketua Pergerakan Pemuda UMNO **Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein** pula berkata kesetiaan Pemuda kepada pucuk pimpinan tidak boleh dipertikai.

"Kesetiaan kami kepada pucuk pimpinan adalah sesuatu yang dididik dan diasuh sejak sekian lama. Apa yang penting ialah kesinambungan dan kestabilannya," katanya.

Di KUANTAN, Menteri Besar Pahang, **Datuk Seri Adnan Yaakob** berkata, beliau akan memanggil semua anggota Dewan Undangan Negeri (DUN) dan anggota Parlimen di negeri itu untuk membuat rumusan bagi menyatakan sokongan kepada kepimpinan Abdullah.

"Saya akan panggil segera semua anggota Parlimen dan DUN seberapa segera. Kami semua tetap menyokong dan berdiri teguh di hadapan di kiri dan kanan Presi-



**ABDULLAH Ahmad Badawi dan isteri Datin Seri Jeanne Abdullah (kiri) semasa sidang akhbar di pekarangan Seri Perdana di Putrajaya, semalam.**

- Bernama

den parti," katanya.

Anggota Parlimen Tasek Gelugor **Tan Sri Nor Mohamad Yacop** berkata tidak timbul langsung isu Perdana Menteri mendapat tekanan agar melepaskan jawatannya.

"Saya tak nampak *pressure* (tekanan) untuk meminta PM mengundur diri...tak ada saya tak nampak. Saya bagi 100 peratus komitmen dan *backing* (sokongan) saya juga kepada PM," katanya.

Di KOTA KINABALU, Pengerusi BN Sabah, **Datuk Seri Musa Aman** berkata, kepimpinan Abdullah masih diperlukan bagi menerajui pemerintahan negara.

Beliau berkata, kerajaan negeri tetap memberi sokongan penuh kepada Abdullah untuk mengekalkan jawatan sebagai Perdana Menteri meskipun Barisan Nasional (BN) hanya menang dengan majoriti mudah pada Pilihan Raya Umum Ke-12.

"Saya bagi pihak kerajaan negeri, UMNO

dan mewakili seluruh rakyat yang baru memberi mandat kepada BN ingin menyatakan sokongan penuh kami kepada Perdana Menteri," katanya.

Di KANGAR, Menteri Besar Perlis, **Datuk Seri Shahidan Kassim** sedia berkongsi dengan Pak Lah rahsia kejayaan Perlis pada pilihan raya umum kali ini walaupun menghadapi pergolakan dalaman parti yang hebat.

Menurutnya, pengundi di Perlis sebenarnya telah membuat keputusan untuk memilih kerajaan BN sejak tiga bulan lalu.

"Saya akan jumpa Pak Lah dalam masa terdekat bagi membantu BN merampas semula negeri yang dimenangi pembangunan.

"Saya akan kemukakan modul yang dijangkakan oleh BN Perlis walaupun sebelum ini mendapat teguran beberapa pihak," katanya.